Perkembangan Risiko dan Penilaian Kestabilan Kewangan pada Tahun 2012

Kestabilan kewangan dalam negeri kekal teguh sepanjang tahun 2012 sekali gus mewujudkan persekitaran yang menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia yang berterusan. Sistem kewangan Malaysia terus menunjukkan daya tahan yang tinggi meskipun berdepan dengan ketidakpastian yang berlarutan dalam beberapa ekonomi maju dan pertumbuhan global yang lebih lemah. Keadaan ini disokong oleh institusi kewangan yang teguh dengan permodalan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan dalam negeri yang teratur dengan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi, lantas memastikan pengantaraan kewangan terus berfungsi dengan cekap untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Meskipun terdapat peningkatan persaingan dalam segmen pemberian pinjaman runcit dan pasaran harta tanah yang lebih memberangsangkan, secara umumnya institusi kewangan mengekalkan tahap pengunderaitan dan pengurusan risiko yang mantap. Secara keseluruhan, keyakinan terhadap sistem kewangan dalam negeri juga kekal utuh. Penilaian Malaysia di bawah Program Penilaian Sektor Kewangan (Financial Sector Assessment Program) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund) dan Bank Dunia (World Bank) pada tahun 2012 mengesahkan lagi keteguhan sektor kewangan Malaysia, khususnya daya tahannya terhadap tekanan makroekonomi dan kewangan, di samping tahap pematuhan yang tinggi oleh rangka kerja pengawalan dan penyeliaan, sistem insurans deposit dan infrastruktur pasaran kewangan terhadap piawaian antarabangsa.

Kualiti kredit turut kekal utuh. Keadaan kewangan perniagaan kekal memberangsangkan dan secara amnya bertambah baik, sementara pertumbuhan pendapatan dan prospek guna tenaga yang stabil secara amnya terus menyokong keupayaan isi rumah untuk membayar hutang. Langkah berjaga-jaga yang diambil sebelum ini untuk menggalakkan daya tahan isi rumah dan kemampanan pasaran harta tanah telah menunjukkan kesan positif meskipun perkembangan lain telah memberikan tekanan tambahan terhadap kedudukan kewangan isi rumah dan harga harta tanah. Pertumbuhan keseluruhan pemberian pinjaman isi rumah lebih perlahan bagi tahun kedua berturut-turut, dengan penunjuk dalam sektor perbankan terus menyokong kualiti kredit yang utuh bagi pembiayaan isi rumah oleh sistem perbankan. Amalan pemberian pinjaman bank kekal teguh dan diperkukuh lagi oleh pelaksanaan Garis Panduan Mengenai Amalan Pembiayaan Yang Bertanggungjawab pada tahun 2012. Walau bagaimanapun, terdapat institusi kewangan bukan bank yang mengembangkan aktiviti pembiayaan mereka kepada sektor isi rumah. Sehubungan itu, amalan berhemat yang sewajarnya perlu diterapkan bagi memastikan kelemahan kewangan isi rumah yang lebih ketara dapat dielak.

Dalam pasaran harta tanah, langkah awalan kehematan makro dan fiskal yang dilaksanakan telah menyebabkan aktiviti pelaburan yang melibatkan pembelian harta kediaman menjadi sederhana. Walau bagaimanapun, harga rumah keseluruhan terus meningkat pada kadar yang kukuh. Faktor yang memacu trend ini ialah faktor makroekonomi dan bukannya faktor kewangan, memandangkan bekalan rumah masih tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan tulen terhadap rumah baharu. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan bekalan rumah mampu milik di samping langkah-langkah fiskal tambahan dijangka mengurangkan kenaikan harga selanjutnya. Juga penting adalah supaya bekalan ruang komersial dan runcit yang baharu dikeluarkan secara berperingkat dan berfasa untuk mengelakkan lebihan bekalan dalam jangka pendek. Walau bagaimanapun, risiko terhadap kestabilan kewangan daripada perkembangan ini kekal terkawal, terutamanya disebabkan disiplin yang berterusan dalam tahap pemberian pinjaman dan penambahbaikan selanjutnya dalam amalan pengurusan risiko institusi perbankan. Dedahan institusi kewangan kepada segmen harta tanah bukan kediaman juga adalah rendah.

Dedahan institusi kewangan Malaysia kepada rakan niaga di Eropah kekal rendah dan dedahan

kepada negara-negara Eropah yang paling terjejas oleh krisis kawasan euro turut dikurangkan selanjutnya. Keadaan insurans semula global turut bertambah baik dengan ketara, sekali gus mengurangkan risiko berkaitan penempatan insurans semula asing. Malaysia berada pada kedudukan yang kukuh untuk menangani kesan aktiviti penyahleveraj (pengurangan hutang) yang berkemungkinan dilaksanakan oleh institusi kewangan Eropah, dengan institusi domestik dan bank asing lain di Malaysia bersedia untuk menggantikan sebarang kehilangan kapasiti. Meskipun bank-bank Malaysia terus mengembangkan operasi serantau, usaha ini dijalankan pada kadar yang secara relatif sederhana dan setara dengan peningkatan keupayaan institusi perbankan untuk mengurus risiko berasaskan seluruh kumpulan.

Institusi kewangan terus mencatat kedudukan modal dan prestasi kewangan yang kukuh, seterusnya mempertingkat keupayaan bank-bank untuk memenuhi keperluan modal baharu di bawah Basel III yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2013. Prestasi keuntungan terus dipacu oleh aktiviti pemberian pinjaman dan insurans teras, dan bukan daripada pengambilan risiko lebih tinggi dalam aktiviti dagangan dan perbendaharaan. Selain disiplin berterusan dalam pemberian pinjaman, institusi kewangan telah mengambil langkah untuk mengurus dedahan terhadap risiko pasaran, risiko insurans dan risiko komersial teralih. Strategi ini telah meningkatkan daya tahan terhadap pelbagai kejutan ekonomi dan pasaran.

Persekitaran luaran dijangka kekal mencabar pada tahun 2013. Risiko utama terhadap sektor kewangan Malaysia terus berpunca daripada kelemahan umum dalam keadaan ekonomi luaran yang dipindahkan melalui saluran perdagangan. Prospek ekonomi dan kewangan dalam negeri dan serantau yang lebih memberangsangkan dijangka memberikan sokongan dalam menghadapi risiko ini. Sektor kewangan Malaysia berada pada kedudukan kukuh untuk menangani perkembangan luaran yang tidak menggalakkan berikutan penampan kewangan institusi kewangan yang mantap, pengaturan keinstitusian yang menyeluruh yang tersedia untuk bertindak balas kepada risiko kepada seluruh sistem, dan yang paling penting, penambahbaikan yang teguh dan berterusan dalam amalan pengurusan risiko kredit, pasaran dan operasi bagi institusi perbankan. Keadaan mudah tunai dan pendanaan pada tahun 2013 turut dijangka kekal menyokong pengantaraan dalam negeri oleh institusi kewangan di Malaysia. Aktiviti pengembangan perniagaan dan pemberian pinjaman oleh institusi kewangan bukan bank, leveraj tinggi bagi isi rumah berpendapatan rendah serta perkembangan dalam pasaran harta tanah merupakan bidang yang akan terus dipantau rapi oleh Bank.

Pembangunan Sektor Kewangan

Inisiatif pembangunan pada tahun 2012 terus tertumpu kepada meningkatkan lagi peranan kritikal sektor kewangan dalam memanfaatkan potensi pertumbuhan jangka panjang Malaysia. Bahagian penting dalam inisiatif ini melibatkan penggalakan keadaan yang mantap untuk pengantaraan dana kepada bidang pertumbuhan baharu dan pengukuhan kesalinghubungan Malaysia dengan ekonomi serantau dan antarabangsa seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020. Enakmen Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act, FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act, IFSA) baharu menyokong dan memperkukuh prasyarat bagi usaha-usaha ini.

Pada tahun 2012, bank-bank pelaburan meraih skala dan keupayaan yang lebih besar menerusi penggabungan dan pengambilalihan untuk memanfaatkan peluang pertumbuhan di rantau, sementara penggabungan berterusan dalam industri insurans am meningkatkan dengan ketara daya maju dan daya saing penanggung insurans yang lebih kecil dalam industri. Pelaksanaan fasa pertama rangka kerja perlindungan motor baharu berjalan lancar untuk membawa industri lebih hampir kepada tahap penentuan harga yang mampan untuk insurans motor, sementara pembaharuan yang lebih meluas untuk menambah baik kecekapan proses penyelesaian tuntutan dan mengawal kos tuntutan telah mula membuahkan hasil. Susulan pembangunan rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang menyeluruh bagi industri insurans serta pasaran insurans yang lebih berdaya saing yang telah dicapai sejak beberapa tahun yang lalu, satu lagi pelarasan struktur penting yang akan dilaksanakan dalam sektor insurans adalah berkaitan dengan kajian semula kawalan kos sedia ada yang terpakai pada penanggung insurans hayat dan am.

Usaha ini adalah untuk membolehkan kuasa pasaran berfungsi dengan lebih berkesan bagi menggalakkan inovasi dan seterusnya membangunkan saluran pengagihan alternatif untuk insurans, sambil menyediakan insentif yang lebih memberangsangkan untuk membangunkan keupayaan ejen. Fasa pertama kajian semula ini telah dilaksanakan pada bulan Januari 2013.

Pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus mencatat pertumbuhan kukuh. Penunjuk pemberian pinjaman menunjukkan akses yang lebih meluas kepada pembiayaan bagi PKS, dari segi penambahan bilangan PKS yang telah meraih manfaat daripada pelbagai kemudahan pembiayaan yang disediakan untuk PKS, di samping nilai purata pembiayaan diluluskan yang lebih tinggi. Produk pembiayaan yang lebih fleksibel untuk perusahaan mikro telah turut diperkenalkan oleh industri kewangan yang membolehkan lebih banyak perusahaan mikro layak mendapat pembiayaan. Institusi kewangan terus memberikan tumpuan jitu kepada sektor PKS, dengan beberapa bank terus meningkatkan sasaran pembiayaan untuk PKS dan melaburkan sumber untuk mempertingkat keupayaan untuk mengembangkan lagi portfolio pembiayaan PKS. Pembiayaan untuk usaha teknologi hijau juga meningkat dengan prospek yang bertambah baik susulan keupayaan pendanaan tambahan yang disediakan oleh Kerajaan dan kemajuan selanjutnya yang dicapai untuk membangunkan keupayaan penilaian kredit dan pengurusan risiko bagi institusi perbankan dalam bidang ini. Institusi kewangan pembangunan (IKP) terus memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan dan pembangunan sektor ekonomi yang strategik. Pembiayaan oleh IKP di bawah kawal selia Bank mencatat pertumbuhan kukuh bagi tahun 2012 dan profil risikonya semakin bertambah baik. Pada tahun 2012, beberapa langkah telah dilaksanakan untuk menambah baik ketelusan prestasi IKP dalam mencapai mandatnya dan memberikan lebih kejelasan mengenai pengaturan perkongsian risiko antara IKP dan Kerajaan.

Pasaran sekuriti hutang kekal sebagai sumber pendanaan yang penting bagi syarikat, dengan bahagian pembiayaan yang lebih besar oleh perniagaan dibiayai menerusi pasaran hutang berbanding sistem perbankan selama lebih sedekad sejak tahun 2002. Malaysia terus mempunyai pasaran sekuriti hutang yang terbesar di Asia Tenggara dan kekal sebagai salah satu daripada dua negara di rantau ini yang mempunyai pasaran sekuriti hutang swasta yang hampir sama besar dengan pasaran sekuriti hutang awamnya. Penambahan peruntukan modal oleh Kerajaan kepada Danajamin Nasional Berhad akan terus meningkatkan keupayaan Danajamin dalam menambah baik akses yang berkesan dari segi kos kepada pasaran bon bagi penerbit yang ingin memperoleh pendanaan jangka lebih panjang. Dalam pasaran wang, Bank terus memperkenalkan produk baharu untuk memudahkan pengurusan mudah tunai yang lebih cekap oleh institusi kewangan Islam. Susulan kebimbangan yang meningkat pada peringkat global mengenai amalan manipulasi kadar berhubung kadar tanda aras pasaran kewangan, Bank dan industri kewangan telah mengambil langkah tambahan untuk memelihara kebolehpercayaan kadar tanda aras domestik yang utama dan memperkukuh keyakinan peserta pasaran dalam penggunaan kadar ini. Untuk mendalamkan lagi pasaran pertukaran asing, tumpuan segera telah diberikan untuk menambah baik akses kepada dan ketersediaan rangkaian instrumen perlindungan nilai yang lebih meluas. Sehubungan itu, peraturan pentadbiran pertukaran asing telah diliberalisasikan selanjutnya untuk menggalakkan lebih banyak inovasi dalam produk pertukaran asing yang ditawarkan dan permintaan terhadap penyelesaian pengurusan mata wang asing yang lebih cekap.

Penunjuk rangkuman kewangan telah memperlihatkan peningkatan dari segi akses kepada akaun deposit, sementara akses kepada akaun pembiayaan kekal pada tahap yang tinggi. Usaha yang dijalankan oleh Bank untuk membangunkan Indeks Rangkuman Kewangan menunjukkan rakyat Malaysia lazimnya menggunakan perkhidmatan kewangan dengan cara bertanggungjawab dan berpuas hati dengan produk dan perkhidmatan kewangan yang disediakan. Namun masih terdapat ruang penambahbaikan selanjutnya bagi akses yang mudah kepada perkhidmatan kewangan. Pada tahun 2012, dua inisiatif penting untuk menambah baik akses kepada perkhidmatan kewangan ialah pelaksanaan rangka kerja perbankan ejen dan platform MyMobile. Inisiatif ini dijangka memberikan kesan ketara terhadap peluasan capaian perkhidmatan kewangan di Malaysia.

Kumpulan perbankan domestik terus memperluas kehadiran serantau mereka dengan operasi luar negeri kini di 21 negara, berbanding 19 negara

sebelum ini. Usaha untuk mendalamkan integrasi kewangan serantau turut meraih momentum selanjutnya di bawah Rangka Kerja Integrasi Kewangan ASEAN (ASEAN Financial Integration Framework). Negara anggota ASEAN kini berada pada peringkat akhir pelancaran rangka kerja integrasi sektor perbankan yang akan menyokong peranan yang lebih dinamik dan bermakna oleh bank ASEAN yang layak di rantau ini. Pelancaran platform rintis untuk pelaburan dan penyelesaian sekuriti hutang merentas sempadan di bawah inisiatif bersama oleh Bank, Pihak Berkuasa Monetari Hong Kong dan Euroclear Bank akan membolehkan pelabur dan pengantara pasaran mengakses pasaran bon di Malaysia dan Hong Kong secara lebih cekap, seterusnya menyumbang kepada pendalaman selanjutnya pasaran bon Asia. Komitmen untuk membangunkan pasaran bon yang berfungsi dengan baik di rantau ini diperkukuh dengan perjanjian oleh negara-negara anggota ASEAN+3 untuk menerima pakai pelan pembangunan baharu selaras dengan Inisiatif Pasaran Bon Asia.

Fokus utama untuk menggalakkan kestabilan kewangan serantau kekal penting kepada agenda integrasi serantau. Sehubungan dengan itu, ketersediaan rantau ini untuk bertindak balas terhadap krisis semakin diperkukuh, susulan peningkatan yang diterapkan pada Perjanjian Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai dan usaha berterusan untuk memperkukuh protokol komunikasi dan pengaturan keinstitusian sedia ada untuk pengurusan dan penyelesaian krisis dalam perkumpulan Mesyuarat Eksekutif Bank Pusat Asia Timur-Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP). Memandangkan kaitan penting perkembangan pengawalseliaan global dengan sektor kewangan dalam negeri, Bank terus menyumbang secara aktif kepada forum serantau dan antarabangsa yang memberikan tumpuan kepada perkembangan pengawalseliaan kewangan. Usaha ini adalah penting untuk mengetengahkan isu-isu berkepentingan, terutamanya daripada ekonomi sedang pesat membangun, agar isu tersebut diberikan pertimbangan sewajarnya dalam proses membuat dasar antarabangsa.

Sektor kewangan Islam meneruskan trajektori pertumbuhannya, dengan mencatat pertumbuhan kukuh dalam aset perbankan Islam, aset takaful, sukuk dan perniagaan mata wang asing. Malaysia kekal sebagai pusat terbitan sukuk yang utama pada peringkat global. Asas dan pengaturan keinstitusian untuk pertumbuhan kewangan Islam yang teratur terus diperkukuh, terutama sekali dalam menyokong tadbir urus dan pematuhan Syariah dari awal hingga akhir secara berkesan. Malaysia telah mengambil langkah penting untuk melaksanakan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak untuk sektor kewangan Islam yang menjajarkan prinsip perundangan dan pengawalseliaan dengan hukum Syariah dan akan berperanan sebagai tanda aras berguna untuk mengembangkan rangka kerja pengawalseliaan yang lebih menyeluruh yang akan menggalakkan kepastian perundangan dan operasi dalam kewangan Islam. Usaha ini diperlengkap dengan inovasi berterusan dalam pasaran sukuk, tumpuan mendalam terhadap penyelidikan, dan usaha berterusan untuk membangunkan bekalan tenaga mahir yang besar untuk memenuhi keperluan yang semakin berkembang dalam industri kewangan Islam.

Pelbagai institusi dan program yang menyokong agenda pembangunan tenaga mahir, termasuk Program Meningkatkan Tenaga Mahir Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Enrichment Programme), Institut Kewangan Asia (Asian Institute of Finance), Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance), Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus Iclif (Iclif Leadership and Governance Centre) serta institut latihan industri kewangan lain terus meluaskan tawaran program mereka dalam usaha untuk merapatkan jurang tenaga mahir dalam industri kewangan. Kesemua institusi ini juga telah membina reputasi yang kukuh yang membolehkan mereka melatih lebih ramai ahli profesional untuk industri, dan menjalin perikatan strategik yang akan meningkatkan lagi keupayaan mereka. Pada tahun 2012, Agensi Akreditasi Kewangan (Finance Accreditation Agency) ditubuhkan untuk menyediakan akreditasi bebas untuk program pembelajaran dan kelayakan untuk industri perkhidmatan kewangan. Matlamatnya adalah untuk menyokong latihan perkhidmatan kewangan berkualiti tinggi menerusi proses akreditasi dan untuk menyediakan struktur untuk pengiktirafan bersama pembelajaran dan pengalaman profesional dalam perkhidmatan kewangan. Melangkah ke hadapan, Majlis Tenaga Mahir Sektor Kewangan (Financial Sector Talent Council) akan ditubuhkan untuk melakarkan hala tuju strategik dan merumuskan strategi yang terlaras untuk pembangunan tenaga mahir dalam sektor kewangan.

Rangka Kerja Pengawalan dan Penyeliaan
Rangka kerja pengawalan dan penyeliaan di Malaysia diperkukuh dengan ketara menerusi penggubalan FSA dan IFSA. Perundangan baharu ini mengukuhkan dengan ketara asas untuk rangka kerja pengawalan dan penyeliaan yang berkesan, telus dan yang menyumbang kepada sistem kewangan yang cekap dan berdaya tahan untuk menghadapi tekanan pada masa hadapan. Keutamaan pengawalseliaan Bank terus bertumpukan domestik untuk meningkatkan lagi piawaian amalan tadbir urus dan pengurusan risiko sejajar dengan peningkatan skala dan kompleksiti aktiviti institusi kewangan di Malaysia dan di luar negeri. Ini termasuk mengukuhkan dan mengemas kini peraturan kehematan selaras dengan pembaharuan pengawalseliaan antarabangsa.

Pelaksanaan pakej pembaharuan pengawalseliaan global Basel III di dalam negeri telah mengorak langkah dengan penerbitan peraturan muktamad yang akan meningkatkan dengan ketara tahap dan kualiti modal pengawalseliaan bank. Keperluan baharu ini sedang diperkenalkan secara berfasa mulai bulan Januari 2013 sehingga bulan Disember 2018 selaras dengan garis masa yang ditetapkan pada peringkat global. Institusi perbankan Malaysia berada pada kedudukan permulaan yang kukuh untuk memenuhi piawaian yang lebih tinggi ini, dan tempoh peralihan yang dilanjutkan memberikan ruang yang cukup untuk bank menambah penampan yang diperlukan secara beransur-ansur. Unjuran oleh institusi perbankan mencadangkan bahawa sebarang kesan terhadap kos dan fungsi pengantaraan kewangan domestik dijangka kecil berbanding dengan manfaat daripada penampan modal yang ketara lebih kukuh dan yang mengurangkan kebarangkalian dan kos kegagalan institusi perbankan kepada ekonomi. Perubahan yang dibuat pada awal tahun ini kepada piawaian mudah tunai global di bawah Basel III yang akan berkuat kuasa pada tahun 2015 secara amnya lebih mencerminkan ciri-ciri pasaran pendanaan di Malaysia dan dijangka menyokong peralihan domestik yang lancar kepada piawaian baharu. Bank juga mengeluarkan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Pengendali Takaful (Risk-Based Capital Framework for Takaful Operators, RBCT) yang muktamad untuk mengukuhkan dengan ketara rangka kerja kehematan untuk pengendali takaful, agar setanding dengan piawaian yang terpakai untuk industri insurans. Pematuhan sepenuhnya kepada RBCT akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Bank terus mengukuhkan keperluan tadbir urus risiko yang berkesan yang mesti dipatuhi oleh semua institusi kewangan. Keperluan ini menggariskan peranan lembaga pengarah, pengurusan kanan dan fungsi kawalan lain bagi memastikan sistem pengurusan risiko kukuh dalam institusi kewangan, dan memerlukan struktur insentif dan imbuhan yang sejajar dengan pengambilan risiko secara berhemat. Tadbir urus risiko yang kukuh akan menjadi sangat penting untuk menyokong pengurusan risiko yang berkesan pada peringkat seluruh kumpulan bagi beberapa kumpulan kewangan Malaysia yang terbesar dan yang mempunyai operasi penting dalam lebih daripada satu sektor yang dikawal selia, atau yang mempunyai operasi yang penting di luar negeri. Rangka kerja kehematan untuk menguruskan dedahan kepada sesuatu rakan niaga juga telah ditambah baik untuk memastikan tumpuan risiko terus diurus secara berhemat oleh institusi perbankan dalam persekitaran yang semakin berhubung kait. Di bawah FSA dan IFSA, Bank akan berupaya untuk menyediakan tahap pengawasan yang sesuai terhadap syarikat pemegangan kewangan untuk memastikan aktiviti kumpulan kewangan tidak menimbulkan risiko yang berlebihan kepada keselamatan dan keteguhan institusi kewangan. Ini akan meliputi penetapan piawaian kehematan untuk syarikat pemegangan kewangan, mengendalikan penyeliaan secara bersepadu yang berterusan dan memerlukan langkah pembetulan oleh syarikat pemegangan kewangan untuk menangani risiko yang telah dikenal pasti. Bank menjangka akan menerbitkan cadangannya mengenai skop penyeliaan bersepadu yang akan terpakai pada kumpulan kewangan pada separuh kedua tahun 2013.

Aktiviti penyeliaan dan penguatkuasaan Bank yang bertujuan untuk mencegah sektor kewangan digunakan untuk aktiviti haram turut dipergiat pada tahun 2012. Ekoran usaha pelesenan semula yang dijalankan untuk industri perniagaan perkhidmatan wang, keupayaan kewangan dan operasi pengurup wang dan penyedia perkhidmatan pengiriman wang yang berlesen telah bertambah baik dengan ketara, bersama-sama dengan kawalan yang lebih berkesan yang dilaksanakan oleh entiti ini terhadap risiko berkaitan dengan jenayah kewangan. Jumlah entiti dalam industri perniagaan perkhidmatan

wang menurun kepada 515 daripada 839 pada bulan Disember 2011, berikutan inisiatif pelesenan semula itu. Pada peringkat sistem yang lebih luas, Bank terus terlibat secara aktif untuk memacu inisiatif pencegahan pengubahan wang haram menerusi kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang lain, terutamanya melalui pengaturan yang ditambah baik di bawah Jawatankuasa Penyelaras Peringkat Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram. Pada tahun 2012, rangka kerja undang-undang untuk pencegahan pembiayaan aktiviti keganasan dikukuhkan lagi untuk merangkumi skop kesalahan predikat yang lebih luas. Keupayaan penguatkuasaan oleh agensi penguatkuasaan undang-undang juga ditingkatkan. Usaha telah bermula untuk mengkaji semula rangka kerja pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan yang sedia ada untuk mengambil kira piawaian antarabangsa yang disemak dan dikeluarkan oleh Kumpulan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force) pada bulan Februari 2012.

Bagi memastikan pengawasan yang berkesan terhadap sistem kewangan ekoran hubungan serantau dan antarabangsa yang terus berkembang dan semakin mendalam, Bank terus mengukuhkan pengaturan kerjasamanya dengan bank pusat dan pihak berkuasa penyeliaan yang lain. Pengaturan dalam negeri untuk kerjasama antara Bank dan pihak berkuasa lain di Malaysia yang menyumbang kepada kestabilan kewangan, khususnya Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, juga terus dipertingkat.

Amalan Pasaran dan Pemerkasaan Pengguna

Aktiviti pengawasan Bank dalam bidang amalan pasaran terus menumpukan pada pengurusan risiko terhadap pengguna yang timbul daripada pencarian hasil yang lebih tinggi, pengumpulan hutang yang lebih tinggi oleh isi rumah berpendapatan rendah, serta penggalakan produk yang lebih kompleks dalam pasaran, termasuklah produk yang melibatkan risiko yang lebih besar yang ditanggung oleh pengguna. Untuk mengurus risiko ini, keutamaan Bank pada tahun 2012 adalah mengukuhkan rangka kerja undang-undang menerusi FSA dan IFSA untuk pengawasan amalan pasaran, melaksanakan rangka kerja penyeliaan amalan pasaran yang ditambah baik, meningkatkan penelitian tehadap pengantara insurans, dan memperkasakan pengguna menerusi program pendidikan kewangan yang disasarkan.

Secara amnya, Bank mendapati wujudnya peningkatan lanjut dalam keutamaan yang diberikan oleh penyedia pekhidmatan kewangan terhadap isu amalan pasaran, sebahagian besarnya adalah hasil daripada perbincangan dan interaksi penyeliaan, tetapi juga disebabkan oleh tumpuan yang semakin meningkat terhadap kebajikan pengguna dalam strategi perniagaan dan pertumbuhan penyedia perkhidmatan kewangan. Secara khususnya, institusi perbankan telah mengukuhkan proses dalaman untuk menilai kemampuan membayar bagi memastikan isi rumah meminjam mengikut kemampuan mereka. Penzahiran yang dibuat dalam bahan jualan dan pemasaran penyedia perkhidmatan kewangan telah menjadi semakin seimbang dari segi risiko dan pulangan, dan penggunaan bahasa yang mudah telah diperluas kepada pelbagai jenis kontrak kewangan. Tahap pematuhan kepada prinsip saksama yang berkaitan dengan fi dan bayaran yang dikenakan oleh institusi perbankan juga telah bertambah baik, bersama-sama dengan langkah-langkah keselamatan yang diperkukuh untuk mencegah penipuan dalam talian.
Pada tahun 2012, Bank mengukuhkan keperluan sedia ada terhadap nasihat mengenai produk dalam sektor insurans hayat dan takaful keluarga, dan mengenakan keperluan atas semua institusi perbankan Islam untuk memberikan *ibra'* (rebat) kepada pelanggan apabila penyelesaian awal dibuat atas kontrak pembiayaan.
Sebagai sebahagian daripada peranannya untuk menyediakan pencegahan yang berwibawa terhadap amalan yang tidak saksama, Bank mengambil tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap amalan yang tidak saksama, termasuklah amalan salah jual yang dikenal pasti menerusi aktiviti penyeliaan dan pengawasannya.

Bank terus meningkatkan usahanya untuk membendung pertumbuhan skim kewangan haram dan penipuan. Di samping penyiasatan terhadap skim haram yang melibatkan pelanggaran undang-undang yang ditadbir oleh Bank, banyak sumber telah ditujukan untuk menyebarkan publisiti secara meluas mengenai bahaya skim haram dan mendidik pengguna supaya lebih berwaspada. Pada tahun 2012, Kumpulan Petugas Jenayah Kolar Putih ditubuhkan untuk menyelaras tindakan penguatkuasaan bersama antara agensi penguatkuasaan undang-undang. Dalam satu lagi usaha kerjasama, platform antara agensi akan ditubuhkan untuk mengendalikan

kajian semula yang menyeluruh mengenai kekurangan dalam rejim pengawalseliaan sedia ada untuk penyedia kredit, yang bertujuan untuk membangunkan undang-undang kredit pengguna yang menyeluruh yang akan menyediakan rangka kerja undang-undang yang lebih bersepadu untuk mengawal selia aktiviti kredit pengguna di Malaysia.

Pada tahun 2012, Bank terus memajukan inisiatif keupayaan dan pendidikan kewangan untuk memperkasakan rakyat Malaysia bagi membina, mengurus dan melindungi kekayaan peribadi mereka. Tumpuan segera adalah untuk menggalakkan kemahiran keupayaan kewangan daripada peringkat umur awal menerusi kurikulum sekolah dan memperkenalkan program keupayaan kewangan berdasarkan peristiwa hidup untuk orang dewasa. Persepaduan pendidikan kewangan dalam kurikulum sekolah telah berkembang dengan baik dan bersedia untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2014 untuk sekolah rendah dan tahun 2017 untuk sekolah menengah. Tumpuan pendidikan kewangan untuk golongan dewasa terus tertumpu kepada pendidikan untuk golongan muda dan isi rumah berpendapatan rendah berikutan kecenderungan mereka untuk meminjam dan mempunyai penampan kewangan yang lebih rendah. Kemajuan yang seterusnya juga dicapai untuk membangunkan Rangka Kerja Penilaian Pendidikan Kewangan yang mengukur tahap celik kewangan pengguna untuk mengenal pasti bidang keutamaan untuk intervensi pendidikan kewangan dan menilai keberkesanan inisiatif pendidikan kewangan sedia ada. Bagi meningkatkan pengaturan keinstitusian untuk bantuan penyelesaian pengguna, usaha sedang dijalankan untuk mentransformasikan Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau) menjadi skim ombudsman kewangan (financial ombudsman scheme) yang mempunyai sokongan undang-undang untuk menguruskan skop pertikaian yang lebih luas dan keupayaan untuk menentukan rangkaian penyelesaian kepada pengguna yang mendapat layanan yang tidak saksama.

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

Sistem pembayaran dan penyelesaian di Malaysia kekal berdaya tahan dan beroperasi dengan andal tanpa sebarang gangguan besar. Dengan penggubalan FSA, kuasa Bank dari segi sistem pembayaran telah dirasionalkan dan dikukuhkan lagi untuk memastikan pengawasan yang berkesan terhadap sistem pembayaran dan instrumen pembayaran. Untuk memastikan Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-Time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) terus memenuhi piawaian antarabangsa yang tinggi, beberapa penambahbaikan kepada operasi, sistem dan langkah pengurangan risiko telah dilaksanakan pada tahun 2012. Ini merangkumi Kemudahan Penyelesaian Pengoptimum Mudah Tunai (Liquidity Optimiser Settlement Facility, LOSF), mengukuhkan dasar untuk mengakses kemudahan kredit intrahari Bank, penambahbaikan kepada peraturan dan prosedur RENTAS, serta pengoperasian kemudahan sokongan tahap ketiga. Tumpuan yang lebih besar juga diberikan untuk memastikan kebolehpercayaan operasi sistem pembayaran runcit utama yang dikendalikan oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) dan Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS). Selain itu, langkah-langkah telah diambil pada tahun ini untuk mengukuhkan piawaian keselamatan instrumen pembayaran. Hasilnya, kerugian yang disebabkan oleh penipuan pembayaran runcit kekal kecil pada tahun 2012.

Kemajuan selanjutnya dicapai pada tahun 2012 ke arah menggalakkan penggunaan pembayaran elektronik (e-pembayaran) yang lebih meluas, dengan peningkatan ketara yang dilihat dalam penggunaan e-pembayaran dalam dua tahun kebelakangan ini. Usaha ditingkatkan untuk meluaskan akses dan menambah baik fungsi perkhidmatan pembayaran. Untuk memperlengkap usaha ini dan memberi insentif kepada penggunaan kaedah e-pembayaran yang lebih cekap, pembaharuan penentuan harga akan dilaksanakan untuk menangani herotan harga antara pembayaran berasaskan kertas dengan e-pembayaran sedia ada dan membenarkan penentuan harga perkhidmatan pembayaran untuk mencerminkan kos pengeluaran dengan lebih tepat. Pelaksanaan rangka kerja penentuan harga akan diselaraskan dengan teliti menerusi penambahbaikan infrastruktur e-pembayaran bagi memastikan akses yang luas dan mudah, dan pada masa yang sama memberikan masa yang mencukupi kepada orang ramai dan perniagaan untuk menyesuaikan diri kepada alternatif e-pembayaran yang lebih berkesan dari segi kos. Bank juga terus bekerjasama rapat dengan sektor utama ekonomi untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran. Ini merangkumi sektor awam,

sektor kewangan, peserta pasaran modal dan sektor pengangkutan. Pada peringkat serantau, Jawatankuasa Kerja ASEAN mengenai Sistem Pembayaran dan Penyelesaian terus memacu penambahbaikan perkhidmatan pembayaran merentas sempadan antara negara ASEAN.

Perbincangan dan interaksi dengan Rangkaian Pembayaran Asia dan Bursa ASEAN sedang dijalankan bagi meluaskan pautan pembayaran runcit merentas sempadan dan memudahkan penyelesaian untuk urus niaga pasaran modal yang dikendalikan menerusi pautan perdagangan ASEAN.